



Bil :8/21 - (1)

SIARAN AKHBAR

23 Ogos 2021

KES PENOLAKAN SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 SEORANG ANGGOTA TENTERA MELIBATKAN SARJAN WAN RAMLY BIN WAN SEMAN

Sel Perhubungan Raya Markas Tentera Darat Malaysia telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

1. Merujuk kepada laporan yang diterbitkan di salah sebuah media online, Tentera Darat Malaysia (TDM) mengambil maklum mengenai penularan satu artikel bertajuk “**Sarjan tentera dipecat kerana tolak vaksin Covid-19, hilang pencen**”, yang diterbitkan pada 23 Ogos 2021, melibatkan Sarjan Wan Ramly bin Wan Seman.
2. Sebagai anggota TDM, pengambilan suntikan vaksin adalah **diwajibkan** terutamanya sebelum melaksanakan sesuatu penugasan, kecuali kepada mereka yang tergolong di dalam kumpulan yang tidak layak untuk menerima vaksin.
3. Tindakan seseorang anggota tentera yang ingkar atau enggan untuk menerima vaksin, boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan tatatertib kerana ingkar perintah atau melanggar perintah tetap.
4. Pengambilan vaksin di dalam kalangan anggota TDM diwajibkan atas dasar anggota TDM hidup secara berkelompok. Selain itu, peranan dan tanggungjawab TDM kini sebagai petugas barisan hadapan dalam melaksanakan penugasan mahupun latihan, turut berdepan dengan kebolehjangkitan COVID-19. Sehubungan itu, adalah wajar untuk kesemua anggota TDM mengambil vaksin bagi mengekang penularan yang bukan sahaja akan berlaku dalam kalangan anggota TDM, bahkan boleh menjangkiti keluarga anggota TDM dan masyarakat keseluruhannya.
5. Ini juga bertujuan mendukung hasrat dan aspirasi Kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok dan seterusnya memutuskan rangkaian penularan wabak COVID-19 di negara ini.
6. Setiap anggota TDM hendaklah mematuhi dan menuruti perintah yang telah dikeluarkan, bagi menentukan misi/kesiapsiagaan organisasi tercapai.

-TAMAT-

*Dikeluarkan pada 23 Ogos 2021 jam 5.30 petang
Sel Perhubungan Raya Tentera Darat*